

MISI BAHAGIAN KEJURUTERAAN

Menyediakan khidmat sokongan strategik seperti kejenteraan ladang, pengangkutan, infrastruktur dan pemindahan teknologi ke arah permodenan sektor pertanian.

Meningkatkan penglibatan PP dan ahli PP dalam aktiviti-aktiviti strategik seperti pembangunan Kejuruteraan dan kemudahan lepas tuai.

OBJEKTIF UMUM BAHAGIAN

Untuk menyediakan khidmat dan kemudahan bagi menggerak dan menjayakan aktiviti Pertubuhan Peladang/ahli PP dalam perkhidmatan Mekanisasi Ladang, Khidmat Lepas Tuai, Pengangkutan, Perusahaan Kecil dan Sederhana dan Pemindahan Teknologi (Transfer of Technology).

OBJEKTIF KHUSUS BAHAGIAN

Menyedia dan memberi khidmat pengurusan dan kemudahan bagi memudah dan memajukan aktiviti-aktiviti PP/ahli dalam aktiviti perkhidmatan mekanisasi ladang, kemudahan lepas tuai, pengangkutan, perusahaan kecil sederhana dan pemindahan teknologi.

1. Penyediaan khidmat kejenteraan kepada peladang dan ahli-ahli PP melalui PPN.
2. Menyediakan kemudahan latihan kemahiran dan teknikal
3. Mengenalpasti dan menyediakan kemudahan infrastruktur pemasaran dan aktiviti lepas tuai untuk PP/ahli yang terlibat dengan pengeluaran makanan di bawah program kemudahan lepas tuai.
4. Mengenalpasti dan menyediakan kemudahan bagi aktiviti pemprosesan PP/ahli sebagai aktiviti hiliran ke atas projek-projek pengeluaran.
5. Mengenalpasti dan menyediakan kemudahan pengangkutan bagi memudahkan aktiviti lepas tuai dan pemasaran hasil pertanian.
6. Kemudahan pembiayaan di bawah Skim Sewa Pajak Tanpa Faedah (SSPTF), Sumbangan Tabung Kejenteraan Ladang dan Tabung Pembangunan PKS.

7. Penggunaan Tabung Hartanah LPP bagi pembaikan dan penyelenggaraan bangunan/rumah kakitangan PP.
8. Penyediaan kemudahan asas kepada PP bagi meningkatkan tahap “delivery system” dan keberkesanan perkhidmatan kepada peladang dan ahli.
9. Penyediaan khidmat nasihat teknikal dari perunding bagi memastikan projek-projek dapat dilaksanakan mengikut pelan dan spesifikasi yang ditetapkan.

PIAGAM PELANGGAN

Kami berazam memberikan perkhidmatan yang cekap bagi menghasilkan kerja yang berkualiti dengan:

- ❖ Memberi keputusan permohonan yang lengkap peruntukan dan pembiayaan bagi projek pembangunan / tabung yang berkenaan dikemukakan oleh PP dalam tempoh satu (1) bulan.
- ❖ Membekal jentera, mesin dan peralatan menepati keperluan setiap PPN Jentera dan PP tertakluk kepada peraturan-peraturan kerajaan dan piawaian yang ditetapkan oleh jabatan-jabatan berkenaan.
- ❖ Mempastikan semua projek dilaksanakan mengikut piawaian industri kerajaan serta menepati keperluan pelanggan.
- ❖ Menyediakan khidmat nasihat teknikal dan perunding projek-projek dibawah Bahagian Kejuruteraan dan lain-lain Bahagian di LPP.
- ❖ Menjamin semua dokumen mengenai perolehan yang lengkap disahkan dalam tempoh tujuh (7) hari kerja, selepas penerimaannya.
- ❖ Menyediakan pengkalan data program / projek bagi tujuan pemantauan dan kajian impak program / projek LPP / PP bagi cawangan / unit di Bahagian Kejuruteraan.